# KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA

# *STATUS OF THE FISHERIES SECTOR IN MALAYSIA*

# KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA

## 1. LATARBELAKANG

1.1 Sektor perikanan memainkan peranan penting dalam ekonomi negara dari segi pendapatan, pertukaran mata wang asing dan menyediakan pekerjaan kepada rakyat luar bandar.

1.2 Pada dasarnya industri perikanan di Malaysia boleh dibahagikan kepada perikanan laut, ternakair dan perairan umum/perikanan darat. Walau bagaimanapun, perairan umum/perikanan darat ketika ini kurang memberikan sumbangan yang nyata kepada industri perikanan. Bagi tujuan pengurusan, perikanan laut dibahagikan kepada sektor perikanan pantai dan sektor perikanan laut dalam. Ternakair pula adalah meliputi ternakan ikan airtawar dan ternakan ikan airpayau. Perikanan laut pantai telah dieksploitasikan ketahap berlebihan dan terdapat tanda-tanda yang tangkapan ikan telah sampai ketahap maksima. Walau bagaimanapun, perikanan laut dalam mempunyai potensi untuk dibangunkan. Bidang ternakair juga mempunyai masa depan yang cerah untuk membangun dan berkembang lagi. Berdasarkan kepada potensi sumber, usaha-usaha pembangunan adalah diarahkan kepada pembangunan sektor perikanan laut dalam dan ternakair, sementara pengeluaran sektor perikanan pantai pula dikekalkan ditahap yang sama. Industri ikan hiasan pula, di tahun-tahun yang kebelakangan ini telah menunjukkan pertumbuhan yang ketara disegi pengeluaran dan eksport.

## 2. PROFAIL PERIKANAN

2.1 Dalam tahun 1994, jumlah pendaratan dari sektor perikanan adalah sebanyak 1,181,763 tan metrik bernilai RM2.99 bilion yang memberi sumbangan sebanyak 1.61% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK)*. Manakala dalam tahun 1993 jumlah pengeluaran dari sektor perikanan adalah sebanyak 1,154,559 tan metrik bernilai RM2.70 bilion dan menyumbang sebanyak 1.63% kepada KDNK. Terdapat peningkatan sebanyak 2.36% dari segi kuantiti jumlah pengeluaran dan 10.74% dari segi nilai jumlah pengeluaran. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan sumbangan KDNK sebanyak 1.23%.

* seperti Laporan Bank Negara 1994

2.2 Dalam tahun 1994, perikanan laut menyumbangkan sebanyak 1,065,585 tan metrik atau 90.15% daripada jumlah pengeluaran perikanan, sementara akuakultur/ternakair tidak termasuk pengeluaran ikan hiasan menyumbang sebanyak 114,113.71 tan metrik atau 9.66% daripada jumlah pengeluaran perikanan. Perairan umum/perikanan darat menyumbang sebanyak 2,063.90 tan metrik atau 0.19% daripada jumlah pengeluaran. Pengeluaran ikan hiasan sebaliknya menyumbang sebanyak 227,790,460 ekor. Dari segi nilai, perikanan laut menyumbang sebanyak RM2.584 bilion atau 86.34% dari nilai jumlah pengeluaran; sementara ternakair termasuk ikan hiasan menyumbang sebanyak RM408.79 juta atau 13.66% daripada jumlah nilai pengeluaran.

2.3 Jumlah pendaratan dari perikanan laut meningkat sebanyak 1.74% dari 1,047,350 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 1,065,585 tan metrik dalam tahun 1994. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 8.66% dari RM2.378 bilion dalam tahun 1993 kepada RM2.584 bilion dalam tahun 1994. Sementara itu jumlah pengeluaran ternakair tidak termasuk pengeluaran ikan hiasan juga meningkat sebanyak 8.43% dari 105,237.29 tan metrik dalam 1993 kepada 114,113.71 tan metrik dalam tahun 1994. Dari segi nilai, terdapat peningkatan sebanyak 24.83% dari RM292.43 juta dalam tahun 1993 kepada RM365.04 juta dalam tahun 1994. Pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 20.61% dari 188,871,525 ekor dalam tahun 1993 kepada 227,790,460 ekor dalam tahun 1994. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 30.01% dari RM33.65 juta dalam tahun 1993 kepada RM43.75 juta dalam tahun 1994. Perairan umum/perikanan darat mengeluarkan sebanyak 2,063.90 tan metrik ikan dalam tahun 1994 berbanding dengan 1,971.38 tan metrik ikan dalam tahun 1993. Ini adalah peningkatan sebanyak 4.69% dari segi pengeluaran.

2.4 Dari segi guna tenaga, sektor perikanan di Malaysia menyediakan pekerjaan secara terus kepada 79,802 nelayan dan 18,143 penternak dan ini memberi jumlah sebanyak 97,945 guna tenaga terlibat dalam industri perikanan. Ini menyumbangkan sebanyak 1.29% dari jumlah guna tenaga kerja di negara ini. Terdapat 31,403 vesel menangkap ikan di Malaysia dan jumlah alat menangkap ikan yang dilesenkan adalah 25,856 unit. Peralatan menangkap ikan yang utama adalah pukat tunda (21.96%), pukat jerut (6.83%), pukat hanyut (51.11%) dan pancing (9.99%).

## 3. GUNA TENAGA

### 3.1 Perikanan Laut(Nelayan)

3.1.1 Seramai 79,802 nelayan terlibat dalam sektor perikanan laut pada tahun 1994 berbanding dengan 80,278 nelayan dalam tahun 1993 dan ini menunjukkan pengurangan sebanyak 0.59%. Arah aliran ini adalah selaras dengan dasar pengurusan kerajaan bagi mengurangkan bilangan nelayan supaya setiap nelayan akan dapat pembahagian sumber yang lebih besar dan hanya nelayan yang benar-benar berminat untuk menjadikan penangkapan ikan sebagai sumber kehidupannya akan kekal didalam industri perikanan. Terdapat pengurangan jumlah bilangan nelayan di Semenanjung Malaysia sebanyak 3.14% (dari 53,887 nelayan kepada 52,195 nelayan). Kebanyakkan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia menunjukkan penurunan jumlah bilangan nelayan. Pulau Pinang menunjukkan penurunan bilangan nelayan yang paling ketara sebanyak 15.59% diikuti oleh Kelantan 8.94%, Johor Timur sebanyak 7.17%, Perlis sebanyak 5.51%, Kedah sebanyak 5.40%, Johor Barat sebanyak 4.97%, Perak sebanyak 4.41%, Selangor sebanydk 4.41% dan Terengganu sebanyak 0.35%. Walau bagaimanapun, Pahang menunjukkan peningkatan sebanyak 15.52%, Negeri Sembilan 15.02% dan Melaka sebanyak 12.47%. Bilangan nelayan di Sarawak berkurangan sebanyak 3.04%. Labuan dan Sabah disebaliknya menunjukkan peningkatan bilangan nelayan masing-masing sebanyak 8.26% dan 7.65%. Sebab utama yang menunjukkan pertambahan ketara bilangan nelayan di Negeri Pahang adalah disebabkan perpindahan vesel-vesel Zon C dan D dari Negeri Terengganu dan Johor ke Kuantan, Pahang. Penghijrahan oleh nelayan-nelayan ini adalah disebabkan terdapat kemudahan asas yang bertambah baik di Kuantan, Pahang. Sebaliknya pertambahan bilangan nelayan di Negeri Sembilan dan Melaka adalah disebabkan pertambahan lesen pukat hanyut baharu yang diluluskan khas bagi vesel injin sangkut.

3.1.2 Bilangan nelayan yang bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan yang menggunakan peralatan komersil adalah sebanyak 33,918 orang iaitu 42.50% (25.30% nelayan diatas vesel-vesel pukat tunda dan 17.20% nelayan diatas vesel-vesel pukat jerut) dari jumlah bilangan nelayan yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan yang berlesen sementara bilangan nelayan yang berkerja diatas vesel-vesel yang berlesen yang menggunakan peralatan tradisional

adalah seramai 45,884 orang iaitu 57.50% dari jumlah bilangan nelayan yang bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan yang berlesen.

3.1.3 Sejumlah 5,646 kru asing telah diluluskan dalam tahun 1994 untuk bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan yang dilesenkan di Malaysia. Dari bilangan tersebut, sebanyak 5,518 kru asing yang telah diluluskan bekerja di Semenanjung Malaysia dan 127 di Labuan dan 1 di Sarawak. Peratusan bilangan kru asing yang telah diluluskan untuk bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan di Terengganu ialah 31.83%, Kelantan 16.76%, Pahang 12.15%, Perlis 15.50%, Labuan 2.25%, Johor Timur 7.39%, Sarawak 0.02% dan Perak 0.02%. Jumlah bilangan kru asing yang telah diluluskan untuk bekerja diatas vesel-vesel menangkap ikan yang dilesenkan di Malaysia bertambah sebanyak 21.18% (dari 4,659 orang dalam tahun 1993 kepada 5,646 orang dalam tahun 1994).

## 3.2 Ternakair (Penternak)

3.2.1 Sejumlah 18,143 penternak terlibat dalam sektor ternakair dalam tahun 1994 berbanding dengan 16,853 penternak dalam tahun 1993 yang menunjukkan pertambahan sebanyak 7.65%. Kedapatan 14,443 penternak terlibat didalam ternakan dalam kolam airtawar, 218 didalam bekas lombong, 868 didalam ternakan sangkar airtawar, 306 didalam ternakan dalam tangki simen airtawar, 787 didalam ternakan kolam airpayau, 923 didalam ternakan sangkar airpayau, 269 didalam ternakan kerang, 183 didalam ternakan kupang dan 146 didalam ternakan tiram pada tahun 1994.

# 4. VESEL-VESEL MENANGKAP IKAN

4.1 Pada keseluruhannya bilangan vesel menangkap ikan menurun sedikit dari 31,575 unit dalam tahun 1993 kepada 31,403 unit dalam tahun 1994 iaitu penurunan sebanyak 0.54%. Penurunan adalah disebabkan oleh penurunan bilangan vesel-vesel menangkap ikan di Semenanjung Malaysia sebanyak 4.66% (dari 20,020 unit dalam tahun 1993 kepada 19,088 unit dalam tahun 1994). Bilangan vesel-vesel menangkap ikan di Sabah meningkat sebanyak 7.77% (dari 8,485 unit kepada 9,144 unit) sementara di Sarawak bilangannya meningkat sebanyak 3.40% (dari 2,941 unit kepada 3,041 unit) dan Labuan sebanyak 0.65% (dari 129 unit kepada 130 unit).

4.2 Jumlah bilangan vesel-vesel menangkap ikan laut dalam yang dilesenkan di Malaysia pada tahun 1994 adalah sebanyak 520 unit sementara bilangannya pada tahun 1993 adalah sebanyak 546 unit. Terdapat peningkatan sebanyak 20.00% jumlah bilangan vesel-vesel menangkap ikan laut dalam yang dilesenkan di Labuan (dari 10 unit kepada 12 unit).

## 5. PERKAKAS MENANGKAP IKAN

5.1 Jumlah bilangan perkakas menangkap ikan yang dilesenkan dalam tahun 1994 berkurangan sebanyak 2.89% jika dibandingkan dengan tahun 1993 (dari 26,625 unit dalam tahun 1993 kepada 25,856 unit dalam tahun 1994). Bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia, jumlah perkakas menangkap ikan yang dilesenkan berkurangan sebanyak 4.66% (dari 20,020 unit kepada 19,088 unit). Manakala Labuan, Sarawak dan Sabah menunjukkan peningkatan jumlah perkakas menangkap ikan yang dilesenkan iaitu masing-masing sebanyak 23.26% (dari 129 unit kepada 159 unit), 3.58% (dari 3,328 unit kepada 3,447 unit) dan 0.44% (dari 3,148 unit kepada 3,162 unit).

## 6. PENDARATAN IKAN LAUT

6.1 Jumlah pendaratan dari tangkapan perikanan laut bertambah sebanyak 1.74% dari 1,047,350 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 1,065,585 tan metrik dalam tahun 1994. Dari segi nilai, terdapat pertambahan sebanyak 8.66% dari RM2.378 bilion dalam tahun 1993 kepada 2.584 bilion dalam tahun 1994. Walau bagaimanapun nilai ikan Gred 1 dan Gred II dan udang turun masing-masing sebanyak 10.29% (dari 51,050 tan metrik kepada 45,795 tan metrik), 5.19% (dari 27,809 tan metrik kepada 26,366 tan metrik) dan 4.80% (dari 106,879 tan metrik kepada 101,746 tan metrik). Walaupun pendaratannya mengalami kemerosotan, dari segi nilai, ikan Gred I dan Gred II dan udang meningkat sebanyak masing-masing 14.70% (dari RM321.07 juta kepada RM368.26 juta), 17.64% (dari RM107.71 juta kepada RM126.71 juta) dan 4.73% (dari RM646.71 juta kepada RM677.27 juta) . Kerang-kerangan menunjukkan kemerosotan yang ketara dari segi pendaratan dan nilai masing-masing sebanyak 57.77% (dari 22,240 tan metrik kepada 9,392 tan metrik) dan 43.01% (dari RM36.39 juta kepada RM20.74 juta). Pendaratan ikan Gred III dan ikan baja meningkat masing-masing sebanyak 4.59% (dari 542,994 tan metrik kepada 567,920 tan metrik) dan 6.07% (dari 296,378 tan metrik kepada 314,364 tan metrik). Dari segi nilai, ikan Gred 111

dan ikan baja meningkat masing-masing sebanyak 10.12% ( dari RM1,189.49 juta kepada RM1,309.82 juta ) dan 5.50% (dari RM77.24 juta kepada RM81.49 juta).

6.2 Keseluruhan jumlah pendaratan ikan laut bagi Pantai Barat Semenanjung Malaysia bertambah sebanyak 3.09% (dari 446,515 tan metrik kepada 460,302 tan metrik). Pulau Pinang, Perak dan Selangor menunjukkan pertambahan pendaratan. Walau bagaimanapun, Perlis, Melaka, Johor Barat, Negeri Sembilan dan Kedah menunjukkan penurunan dalam jumlah pendaratan. Bagi Pantai Timur Semenanjung Malaysia pendaratan ikan laut berkurangan sebanyak 5.89% (dari 345,103 tan metrik kepada 324,777 tan metrik). Keseluruhan negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia, kecuali Johor Timur menunjukkan penurunan pendaratan ikan laut. Sabah, Sarawak dan Labuan masing-masing menunjukkan peningkatan pendaratan sebanyak 3.66% (dari 154,467 tan metrik kepada 160,328 tan metrik), 16.72% (dari 81,924 tan metrik kepada 95,624 tan metrik) dan 28.28% (dari 19,141 tan metrik kepada 24,554 tan metrik).

## 6.3 Perikanan Laut Pantai

6.3.1 Perikanan laut pantai termasuk vesel-vesel tradisional dan vesel-vesel komersial bermuatan dibawah 70 GRT yang mengoperasikan semua jenis perkakas menangkap ikan. Perikanan laut pantai menyumbangkan sebanyak 930,049 tan metrik ikan dalam tahun 1994 iaitu 87.28% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia berbanding dengan 901,801 tan metrik iaitu 86.10% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia dalam tahun 1993. Dari segi kawasan pendaratan ikan, Pantai Barat Semenanjung Malaysia menyumbangkan sebanyak 46.44% (431,932 tan metrik), Pantai Timur Semenanjung Malaysia sebanyak 27.45% (255,271 tan metrik), Sabah sebanyak 16.94% (157,517 tan metrik), Labuan sebanyak 1.95% (18,134 tan metrik) dan Sarawak sebanyak 7.22% (67,195 tan metrik) daripada jumlah pendaratan perikanan laut pantai. Dari segi nilai, perikanan laut pantai menyumbangkan sebanyak RM2,315.52 juta dalam tahun 1994 iaitu 89.60% daripada jumlah nilai pendaratan ikan laut di Malaysia. Nilai perikanan laut pantai meningkat sebanyak 9.78% (dari RM2,109.21 juta dalam tahun 1993 kepada RM2,315.52 juta dalam tahun 1994).

6.3.2 Jumlah pendaratan perikanan laut pantai telah bertambah sebanyak 3.13% (daripada 901,801tan metrik dalam tahun 1993 kepada 930,049 tan metrik dalam tahun 1994). Pertambahan ini adalah disebabkan pertambahan pendaratan dari Sarawak sebanyak 28.02% (dari 52,486 tan metrik kepada 67,195 tan metrik), Labuan 11.24% (dari 16,302 tan metrik kepada 18,134 tan metrik), Sabah 6.03% (dari 148,552 tan metrik kepada 157,517 tan metrik) dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia sebanyak 4.00% (dari 415,335 tan metrik kepada 431,932 tan metrik). Walau bagaimanapun, terdapat penurunan pendaratan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 5.15% (dari 269,126 tan metrik kepada 255,271 tan metrik).

**Jadual 1**

**Malaysia**

**Pendaratan dan Nilai Perikanan Laut Pantai, 1994**

| | Pendaratan (Tan Metrik) | Nilai (RM) |
|---|---|---|
| Pantai Barat Semenanjung Malaysia | 431,932 | 1,108,449,105 |
| Pantai Timur Semenanjung Malaysia | 255,271 | 549,636,332 |
| Semenanjung Malaysia | 687,203 | 1,658,085,437 |
| Sabah | 157,517 | 391,823,710 |
| Sarawak | 67,195 | 226,586,894 |
| Wilayah Persekutuan Labuan | 18,134 | 39,028,141 |
| Jumlah | 930,049 | 2,315,524,182 |

## 6.4 Perikanan Laut Dalam

6.4.1 Perikanan laut dalam termasuk vesel-vesel bermuatan 70 GRT dan ke atas mengoperasikan pukat tunda, pukat jerut (kecuali pukat jerut bilis), rawai/pancing, pukat hanyut dan beroperasi di perairan melebihi 30 batu nautika dari pantai. Perikanan laut dalam menghasilkan sebanyak 135,536 tan metrik ikan dalam tahun 1994 iaitu 12.72% daripada jumlah pendaratan ikan laut di Malaysia. Mengikut kawasan, Pantai Barat Semenanjung Malaysia menyumbangkan sebanyak 20.93%, Pantai Timur Semenanjung Malaysia sebanyak 51.28%, Sabah sebanyak 2.07%, Labuan sebanyak 4.74% dan Sarawak sebanyak 20.98% daripada jumlah keseluruhan pendaratan perikanan laut dalam. Berdasarkan perkakas menangkap ikan, pukat tunda mendaratkan sebanyak 72.49%, pukat jerut mendaratkan sebanyak 27.36% dan rawai/pancing mendaratkan sebanyak 0.15% ikan dari perikanan laut dalam. Dari segi nilai, perikanan laut dalam menyumbangkan sebanyak RM268.77 juta dalam tahun 1994 iaitu 10.40% daripada jumlah nilai pendaratan ikan laut di Malaysia. Nilai perikanan laut dalam berkurangan sebanyak 0.23% (dari RM269.40 juta dalam tahun 1993 kepada RM268.77 juta dalam tahun 1994). Berdasarkan perkakas menangkap ikan, pukat tunda menyumbangkan sebanyak 64.76% (RM174.06 juta), pukat jerut sebanyak 34.95% (RM93.95 juta) dan rawai/pancing sebanyak 0.29% (RM0.77 juta) daripada jumlah nilai perikanan laut dalam.

6.4.2 Jumlah pendaratan perikanan laut dalam menurun sebanyak 6.88% (dari 145,549 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 135,536 tan metrik dalam tahun 1994). Selain dari Labuan, lain-lain kawasan menunjukkan kemerosotan pendaratan perikanan laut dalam. Perikanan laut dalam Labuan menunjukkan peningkatan pendaratan sebanyak 126.14% (dari 2,839 tan metrik kepada 6,420 tan metrik). Peningkatan pendaratan adalah disebabkan pertambahan pendaratan dari perkakas pukat tunda yang beroperasi di Labuan sepanjang tahun 1994 berbanding dengan tahun 1993. Kebanyakan negeri kecuali Labuan dan Kelantan menunjukkan penurunan di dalam bilangan vesel laut dalam yang dilesenkan. Bilangan vesel laut dalam yang dilesenkan di Kelantan adalah stabil.

**Jadual 11**

## Malaysia
## Pendaratan Perikanan Laut Dalam Mengikut Kumpulan Perkakas, 1994
## (Kuantiti Dalam Tan Metrik)

| | Pukat Tunda 70 GRT & Lebih | Pukat Jerut Ikan 70 GRT & Lebih | Rawai/ Pancing 70 GRT & Lebih | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Pantai Barat Semenanjung Malaysia | 20,738 | 7,632 | 0.00 | 28,370 |
| Pantai Timur Semenanjung Malaysia | 44,478 | 25,028 | 0.00 | 69,506 |
| Semenanjung Malaysia | 65,216 | 32,660 | 0.00 | 97,876 |
| Sabah | 167 | 2,524 | 120 | 2,811 |
| Sarawak | 28,429 | 0.00 | 0.00 | 28,429 |
| Wilayah Persekutuan Labuan | 4,436 | 1,897 | 87 | 6,420 |
| Jumlah | 98,248 | 37,081 | 207 | 135,536 |

**Jadual 111**

## Malaysia
## Nilai Pendaratan Perikanan Laut Dalam Mengikut Kumpulan Perkakas, 1994
## (Nilai Dalam RM)

| | Pukat Tunda 70 GRT & Lebih | Pukat Jerut Ikan 70 GRT & Lebih | Rawai/ Pancing 70 GRT & Lebih | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Pantai Barat Semenanjung Malaysia | 36,739,441 | 19,336,206 | 0 | 56,075,647 |
| Pantai Timur Semenanjung Malaysia | 78,797,225 | 63,410,190 | 0 | 142,207,415 |
| Semenanjung Malaysia | 115,536,666 | 82,746,396 | 0 | 198,283,062 |
| Sabah | 295,857 | 6,394,731 | 444,712 | 7,135,300 |
| Sarawak | 50,364,816 | 0 | 0 | 50,364,816 |
| Wilayah Persekutuan Labuan | 7,858,818 | 4,805,182 | 322,416 | 12,987,416 |
| Jumlah | 174,056,157 | 93,947,309 | 767,128 | 268,770,594 |

## 7. TERNAKAIR

7.1 Pada dasarnya industri ternakair di Malaysia meliputi ternakan ikan airtawar dan airpayau. Ternakan airtawar dijalankan di kolam-kolam airtawar, sangkar airtawar, tangki simen dan bekas lombong. Sementara ternakan airpayau merangkumi kolam airpayau, sangkar airpayau dan ternakan moluska termasuk kerang, siput sudu dan tiram.

7.2 Jumlah pengeluaran ternakair, tidak termasuk pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 8.43% dari 105,237.31 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 114,113.71 tan metrik dalam tahun 1994. Nilai pengeluaran juga telah meningkat sebanyak 24.71% dari RM292.43 juta dalam tahun 1993 kepada RM364.70 juta dalam tahun 1994. Manakala, jumlah pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 20.61% dari 188,871,525 ekor dalam tahun 1993 kepada 227,790,460 ekor dalam tahun 1994. Dari segi nilai, peningkatan adalah sebanyak 30.01% ( dari RM33.65 juta dalam tahun 1993 kepada RM43.75 juta dalam tahun 1994 ).

### 7.3 Ternakan Airtawar

7.3.1 Jumlah pengeluaran dari ternakan airtawar meningkat sebanyak 20.24% daripada 15,467.59 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 18,598.39 tan metrik pada tahun 1994. Peningkatan pengeluaran ternakan airtawar adalah disebabkan peningkatan hasil dari semua sistem ternakan kolam airtawar, bekas lombong, sangkar air tawar dan tangki simen. Dari segi nilai, terdapat pertambahan sebanyak 11.90% dari RM112.53 juta pada tahun 1993 kepada RM125.92 juta pada tahun 1994. Ternakan airtawar telah menyumbangkan sebanyak 16.30% daripada jumlah pengeluaran ternakair dalam tahun 1994 dan dari segi nilai ianya menyumbangkan sebanyak 34.50% dari jumlah nilai ternakair pada tahun 1994.

7.3.2 Pengeluaran dari ternakan kolam airtawar adalah yang tertinggi pada tahun 1994, menyumbangkan sebanyak 77.88% (14,484.31 tan metrik) diikuti oleh pengeluaran dari bekas lombong yang menyumbangkan sebanyak 9.39% (1,747.21 tan metrik), ternakan dalam sangkar menyumbang sebanyak 7.60% (1,413.06 tan metrik) dan ternakan airtawar dari tangki simen menyumbangkan sebanyak 5.13% (953.81 tan metrik) daripada jumlah pengeluaran ternakan airtawar. Seramai 14,443 penternak mengusahakan ternakan kolam airtawar meliputi kawasan seluas 6,552.62 hektar, 218 penternak mengusahakan ternakan

di kawasan bekas lombong meliputi kawasan seluas 1,068.33 hektar, 868 penternak mengusahakan ternakan dalam sangkar meliputi kawasan seluas 56,796.41 meter persegi, dan 306 penternak mengusahakan ternakan airtawar di dalam tangki simen meliputi kawasan seluas 48,263.63 meter persegi.

7.3.3 Pengeluaran dari kolam airtawar dalam tahun 1994 meningkat sebanyak 8.72% (dari 13,323.19 tan metrik kepada 14,484.31 tan metrik). Nilai juga telah meningkat sebanyak 5.02% (dari RM103.83 juta kepada RM109.04 juta). Tiga spesies utama yang diternak didalam kolam air tawar di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1994 ialah belut dengan pengeluaran sebanyak 3,353.81 tan metrik diikuti oleh tilapia merah dengan pengeluaran sebanyak 2,467.63 tan metrik dan ikan keli dengan pengeluaran sebanyak 736.24 tan metrik. Di Sabah, tiga spesies utama yang diternak di kolam airtawar pula ialah tilapia hitam dengan pengeluaran sebanyak 3,548.00 tan metrik diikuti oleh tilapia merah dengan pengeluaran sebanyak 1,022.00 tan metrik dan lampam jawa dengan pengeluaran sebanyak 842.00 tan metrik. Di Sarawak, tiga spesies utama ternakan kolam airtawar ialah jelawat dengan pengeluaran sebanyak 144.20 tan metrik diikuti oleh lampam jawa dengan pengeluaran sebanyak 129.78 tan metrik dan tilapia merah dengan pengeluaran sebanyak 115.36 tan metrik. Purata pengeluaran ternakan kolam airtawar dalam tahun 1994 adalah sebanyak 2.21 tan metrik/hektar/tahun.

7.3.4 Jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan airtawar dalam bekas lombong meningkat sebanyak 83.72% (dari 951.03 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 1,747.21 tan metrik dalam tahun 1994). Peningkatan pengeluaran disebabkan oleh purata pengeluaran meningkat daripada 0.68 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1993 kepada 1.61 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1994. Nilai telah meningkat sebanyak 92.51% (dari RM3.07 juta kepada RM5.91 juta). Tiga spesies utama ternakan airtawar dalam bekas lombong ialah kap kepala besar yang menyumbangkan sebanyak 37.78% (660.17 tan metrik), tilapia merah yang menyumbangkan sebanyak 21.14% (369.38 tan metrik) dan kap rumput yang menyumbangkan sebanyak 15.08% (263.43 tan metrik) dari jumlah pengeluaran keseluruhan spesies yang diternak dalam bekas lombong.

7.3.5 Jumlah pengeluaran dari sangkar airtawar telah meningkat sebanyak 79.89% (dari 785.53 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 1,413.06 tan metrik dalam tahun 1994). Peningkatan pengeluaran adalah disebabkan oleh peningkatan kawasan ternakan dan purata pengeluaran. Kedapatan pertambahan luas kawasan ternakan dari 48,693.27 meter persegi dalam tahun 1993 kepada 56,796.41 meter persegi dalam tahun 1994. Purata pengeluaran juga telah meningkat dari 16.13 kg/meter persegi/tahun dalam tahun 1993 kepada 24.88 kg/meter persegi/tahun dalam tahun 1994. Tiga spesies utama ternakan adalah tilapia merah yang menyumbangkan sebanyak 54.19% (765.77 tan metrik), patin ( *Pangasius pangasius*) yang menyumbangkan sebanyak 28.93% (408.73 tan metrik) dan baung ( *Mystus nemurus* ) yang menyumbangkan sebanyak 10.72% (151.50 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan sangkar airtawar.

7.3.6 Jumlah pengeluaran keseluruhan ternakan airtawar dari tangki simen telah meningkat sebanyak 133.87% (dari 407.84 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 953.81 tan metrik dalam tahun 1994). Peningkatan ini disebabkan pertambahan luas kawasan ternakan dan juga pengeluaran. Luas kawasan ternakan telah meningkat sebanyak 35.66% (dari 34,793.72 meter persegi kepada 48,263.63 meter persegi). Purata pengeluaran meningkat dari 11.72 kg/meter persegi/tahun dalam tahun 1993 kepada 19.76 kg/meter persegi/tahun. Nilai telah meningkat sebanyak 113.48% (dari RM1.78 juta kepada RM3.80 juta). Dua spesies utama yang diternak adalah tilapia merah yang menyumbangkan sebanyak 89.72% (855.74 tan metrik) dan keli yang menyumbangkan sebanyak 9.35% (89.16 tan metrik) daripada jumlah pengeluaran ternakan tangki simen.

## 7.4 Ternakan Airpayau

7.4.1 Jumlah pengeluaran ternakan airpayau meningkat sebanyak 6.40% dari 89,769.72 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 95,515.32 tan metrik dalam tahun 1994. Peningkatan pengeluaran ini adalah datang dari pengeluaran kerang dan ikan dalam kolam airpayau. Pengeluaran ternakan kolam airpayau meningkat sebanyak 42.56% (daripada 4,601.43 tan metrik kepada 6,559.88 tan metrik). Ternakan kerang meningkat sebanyak 5.89% (daripada 77,755.00 tan metrik kepada 82,335.04 tan metrik). Pengeluaran ternakan sangkar airpayau, tiram dan siput sudu menurun. Ternakan tiram menurun sebanyak 39.81% (dari 37.13 tan metrik kepada 22.35 tan metrik) manakala pengeluaran siput sudu menurun

sebanyak 17.99% (dari 1,181.91 tan metrik kepada 969.24 tan metrik) dan pengeluaran dari sangkar airpayau menurun sebanyak 9.13% (dari 6,194.25 tan metrik kepada 5,628.81 tan metrik). Dari segi nilai ternakan airpayau meningkat sebanyak 32.92% (dari RM179.90 juta dalam tahun 1993 kepada RM239.13 juta dalam tahun 1994).

7.4.2 Bilangan penternak yang terlibat didalam ternakan kolam airpayau adalah seramai 787 orang dengan keluasan kawasan ternakan sejumlah 2,447.34 hektar manakala bilangan penternak yang terlibat didalam ternakan sangkar airpayau ialah seramai 923 orang dengan keluasan kawasan ternakan sejumlah 679,438.75 meter persegi. Jumlah penternak yang terlibat didalam ternakan kerang adalah seramai 269 orang dengan keluasan kawasan ternakan sejumlah 4,640.35 hektar. Jumlah penternak yang terlibat didalam ternakan siput sudu adalah seramai 183 orang dengan keluasan kawasan ternakan sejumlah 72,469.44 meter persegi dan bilangan penternak yang terlibat didalam ternakan tiram adalah seramai 146 orang dengan keluasan kawasan ternakan sejumlah 121,382.06 meter persegi.

7.4.3 Dalam tahun 1994 pengeluaran kerang adalah yang tertinggi sekali diantara pengeluaran ternakan airpayau dengan menyumbang sebanyak 86.20% (82,335.04 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan airpayau. Manakala pengeluaran ternakan kolam airpayau menyumbang sebanyak 6.87% (6,559.80 tan metrik), sangkar airpayau sebanyak 5.89% (5,628.81 tan metrik), siput sudu sebanyak 1.02% (969.24 tan metrik) dan tiram sebanyak 0.02% (22.35 tan metrik). Walau bagaimanapun, dari segi nilai ternakan kolam airpayau menyumbangkan nilai yang paling tinggi diantara ternakan airpayau yang lain iaitu sebanyak 51.28% (RM122.63 juta) diikuti dengan ternakan sangkar airpayau sebanyak 34.07% (RM81.46 juta), kerang 14.39% (RM34.40 juta), siput sudu 0.16% (RM0.39 juta) dan tiram 0.10% (RM0.23 juta).

7.4.4 Spesies utama yang diternak di dalam kolam airpayau masih lagi udang harimau yang mengeluarkan sebanyak 88.26% (5,789.46 tan metrik) daripada jumlah keseluruhan ternakan kolam airpayau. Lain-lain spesies ternakan ialah udang putih, siakap, jenahak, ketam dan lain-lain spesies dengan jumlah pengeluaran sebanyak 11.74% (770.42 tan metrik) dari jumlah keseluruhan pengeluaran ternakan kolam airpayau. Adalah diperhatikan bahawa pengeluaran udang harimau

meningkat dengan pesatnya sebanyak 47.04% (dari 3,937.43 tan metrik kepada 5,789.46 tan metrik). Purata pengeluaran juga telah meningkat dari 2.45 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1993 kepada 2.68 tan metrik/hektar/tahun dalam tahun 1994. Luas kawasan ternakan pada masa yang sama telah bertambah sebanyak 30.33% (dari 1,877.82 hektar kepada 2,447.34 hektar). Bagi tahun 1994 julat purata pengeluaran paling minima adalah sebanyak 1.06tan metrik /hektar/tahun bagi negeri Terengganu dan tahap paling maksima sebanyak 22.16 tan metrik/hektar/tahun bagi negeri Perlis.

7.4.5 Pengeluaran dari kolam airpayau telah meningkat di semua negeri kecuali negeri Selangor. Pengeluaran bagi negeri Perlis meningkat sebanyak 184.47% (dari 33.03 tan metrik kepada 93.96 tan metrik), Perak sebanyak 98.05% (dari 619.12 tan metrik kepada 1,226.15 tan metrik), Kelantan sebanyak 96.79% (dari 73.89 tan metrik kepada 145.41 tan metrik), Sabah 77.78% (dari 900.00 tan metrik kepada 1,600.00 tan metrik), Melaka 28.47% (dari 38.53 tan metrik kepada 49.50 tan metrik), Negeri Sembilan 19.96% (dari 94.40 tan metrik kepada 113.24 tan metrik), Kedah 15.60% (dari 507.90 tan metrik kepada 587.11 tan metrik), Terengganu 13.80% (dari 48.13 tan metrik kepada 54.77 tan metrik), Johor 13.74% (dari 697.98 tan metrik kepada 793.89 tan metrik), Pulau Pinang 12.56% (dari 504.01 tan metrik kepada 567.32 tan metrik) dan Negeri Sarawak 6.61% (dari 46.90 tan metrik kepada 50.00 tan metrik). Negeri Selangor sebaliknya telah menunjukkan penurunan didalam pengeluaran dari kolam airpayau sebanyak 9.65% (dari 1,030.51 tan metrik kepada 931.06 tan metrik). Ini adalah disebabkan terdapat masalah penyakit ikan dan juga alam sekitar.

7.4.6 Dari segi nilai pengeluaran terdapat pertambahan nilai pengeluaran ternakan airpayau sebanyak 68.94%(dari RM72.59 juta kepada RM122.63 juta). Pertambahan ini adalah disumbangkan oleh pertambahan pengeluaran udang harimau iaitu peningkatan sejumlah RM45.51 juta (dari RM66.06 juta kepada RM111.57 juta). Jumlah keseluruhan nilai pengeluaran udang harimau menyumbang sebanyak 90.98% dari jumlah nilai keseluruhan pengeluaran kolam airpayau.

7.4.7 Tiga spesies utama ternakan didalam sangkar airpayau ialah siakap sebanyak 46.09% (2,594.20 tan metrik) diikuti oleh jenahak sebanyak 23.78% (1,338.62 tan metrik) dan kerapu sebanyak 16.53% (930.71 tan metrik) dari jumlah pengeluaran sangkar airpayau. Pengeluaran siakap dari sangkar airpayau menunjukkan kejatuhan sebanyak 31.79% (dari 3,803.41 tan metrik kepada 2,594.20 tan metrik) manakala jenahak meningkat sebanyak 59.24% (dari 840.63 tan metrik kepada 1,338.62 tan metrik) dan kerapu menurun sebanyak 7.43% (dari 1,005.41 tan metrik kepada 930.71 tan metrik). Adalah diperhatikan minat kepada ternakan ikan jenahak adalah meningkat berbanding kerapu pada tahun kebelakangan ini. Luas kawasan ternakan sangkar airpayau telah meningkat sebanyak 1.67% (dari 668,260.00 meter persegi kepada 679,438.75 meter persegi). Walau bagaimanapun, purata pengeluaran menurun dari 9.27 kg/meter persegi/tahun kepada 8.28 kg/meter persegi/tahun. Ini disebabkan masalah penyakit ikan dan pencemaran di setengah-setengah negeri. Jumlah pengeluaran dari sangkar airpayau telah meningkat di Sarawak sebanyak 841.18% (dari 3.40 tan metrik kepada 32.00 tan metrik), Kedah sebanyak 76.34% (dari 66.96 tan metrik kepada 118.08 tan metrik), Kelantan sebanyak 35.15% (dari 27.51 tan metrik kepada 37.18 tan metrik), Terengganu sebanyak 34.61% (dari 5.23 tan metrik kepada 7.04 tan metrik) dan Johor sebanyak 10.39% (dari 732.76 tan metrik kepada 808.90 tan metrik). Walau bagaimanapun, pengeluaran untuk negeri Pahang menurun sebanyak 79.18% (dari 4.13 tan metrik kepada 0.86 tan metrik), Pulau Pinang sebanyak 23.74% (dari 1,538.67 tan metrik kepada 1,173.36 tan metrik), Melaka sebanyak 23.60% (dari 10.93 tan metrik kepada 8.35 tan metrik), Perak sebanyak 14.53% (dari 1,844.15 tan metrik kepada 1,576.12 tan metrik), Perlis sebanyak 6.44% (dari 17.38 tan metrik kepada 16.26 tan metrik) dan Selangor sebanyak 4.39% (dari 1,200.33 tan metrik kepada 1,147.66 tan metrik). Tiada pengeluaran bagi Negeri Sembilan untuk tahun 1994 disebabkan tiada sangkar yang aktif. Jumlah keseluruhan pengeluaran dari sangkar airpayau telah menurun sebanyak 9.13% (dari 6,194.25 tan metrik kepada 5,628.81 tan metrik). Walau bagiamanapun, nilai keseluruhan pengeluaran telah meningkat sebanyak 2.21% (dari RM79.70 juta kepada RM81.46 juta).

7.4.8 Jumlah pengeluaran kerang adalah sebanyak 82,335.04 tan metrik dalam tahun 1994 dengan nilai RM34.40 juta. Tiga negeri utama pengeluar kerang adalah Perak sebanyak 61.80% (50,880.90 tan metrik), Selangor sebanyak 18.90% (15,564.48 tan metrik) dan Pulau Pinang sebanyak 17.58% (14,477.27 tan metrik) dari jumlah

pengeluaran kerang negara. Tiga negeri lain iaitu Sabah, Johor dan Kedah yang juga mengeluar kerang menyumbangkan sebanyak 1.72% (1,412.39 tan metrik) dari jumlah pengeluaran kerang negara.

7.4.9 Pengeluaran siput sudu dan tiram telah menurun pada tahun 1994 masing-masing sebanyak 17.99% (dari 1,181.91 tan metrik kepada 969.24 tan metrik) dan 39.81% (dari 37.13 tan metrik kepada 22.35 tan metrik). Nilai pengeluaran siput sudu dan tiram juga telah menurun masing-masing sebanyak 12.77% (dari RM0.47 juta kepada RM0.41 juta) dan 34.29% (dari RM0.35 juta kepada RM0.23 juta). Penurunan pengeluaran siput sudu dan tiram adalah disebabkan terdapat kekurangan pembekalan benih siput sudu dan tiram. Walau bagaimanapun, negeri utama yang lain seperti Kedah yang mengeluarkan tiram terdapat permintaan pasaran yang meningkat dan juga peningkatan pengeluaran sejumlah 111.65% (dari 3.69 tan metrik kepada 7.81 tan metrik).

7.4.10 Negeri Johor adalah negeri utama yang mengeluarkan siput sudu pada tahun 1994. Pengeluaran siput sudu di negeri Johor menyumbangkan sejumlah 88.39% (856.72 tan metrik) daripada keseluruhan pengeluaran siput sudu di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan pengeluaran siput sudu di negeri Johor sebanyak 21.29% (dari 1,088.41 tan metrik kepada 856.72 tan metrik).

## 7.5 Ikan Hiasan

7.5.1 Jumlah pengeluaran ikan hiasan meningkat sebanyak 20.61% dari 188,871,525 ekor dalam tahun 1993 kepada 227,790,460 ekor dalam tahun 1994. Dari segi nilai terdapat peningkatan sebanyak 30.01% (dari RM33.65 juta dalam tahun 1993 kepada RM43.75 juta dalam tahun 1994). Johor masih kekal sebagai pengeluar utama ikan hiasan yang menyumbangkan sebanyak 148,118,412 ekor iaitu 65.02% dari jumlah keseluruhan pengeluaran ikan hiasan dalam tahun 1994. Ini diikuti oleh Perak yang menyumbangkan sebanyak 45,558,092 ekor iaitu 20.00%, Selangor menyumbangkan sebanyak 22,779,046 ekor iaitu 10.00% dan Pulau Pinang menyumbangkan sebanyak 11,012,400 ekor iaitu 4.83% dari jumlah pengeluaran ikan hiasan dalam tahun 1994. Dua kumpulan utama yang dikeluarkan adalah 'Cyprinids' menyumbangkan sebanyak 45.39% (ikan emas dan koi 26.74%, Barb dan Danio 18.65%) dan 'Poecilids' menyumbangkan sebanyak 17.86% dari jumlah pengeluaran ikan hiasan.

## 8. PERAIRAN UMUM/PERIKANAN DARAT

8.1 Perairan umum/perikanan darat adalah ditakrifkan sebagai pengeluaran ikan dari sumber perairan umum iaitu sungai, tasik, bekas lombong dan empangan. Pendaratan dari perairan umum/perikanan darat meningkat sebanyak 4.69% dari 1,971.38 tan metrik dalam tahun 1993 kepada 2,063.90 tan metrik dalam tahun 1994. Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Kelantan, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang menunjukkan peningkatan dalam pendaratan masing-masing sebanyak 1,640.72%, 68.34%, 57.89%, 38.67%, 20.22%, 8.11% dan 4.56%.

# STATUS OF THE FISHERIES SECTOR IN MALAYSIA

## 1. INTRODUCTION

1.1 The fisheries sector in Malaysia plays an important role in the national economy in terms of income, gain of foreign exchange and employment to the rural population.

